


## Hapuskan aktiviti plagiat di universiti

Oleh [Farah Ilyana Mohd Anuar](#) - Mei 22, 2021 @ 10:45am

[bhforum@bh.com.my](mailto:bhforum@bh.com.my)



PLAGIAT seakan-akan sebat dalam kamus kehidupan mahasiswa. Ada kajian di institut pengajian tinggi (IPT) menunjukkan ramai mahasiswa pernah terbabit dalam perbuatan melanggar etika akademik ini.

Berdasarkan pemerhatian, segelintir mahasiswa tidak mempunyai pengetahuan perbuatan *copy and paste* ialah plagiat khususnya mereka yang baru sahaja menjelaskan kaki di alam universiti atau mengikuti pembelajaran dalam talian.

Plagiarisme ialah perbuatan mencedok kata-kata dan idea individu lain seterusnya mendakwanya sebagai karya sendiri tanpa memberi penghargaan kepada pemilik asal seperti ditakrifkan Kamus Dewan.

Gejala ini berlaku kerana tujuan salah dalam menuntut ilmu dan ketaksuhan mengekalkan prestasi yang membolehkan mereka mengejar peluang pekerjaan diidamkan.

Ini turut membabitkan perbuatan mengupah individu lain untuk menyiapkan tugas apabila terdesak pada saat-saat akhir. Perbuatan ini indikator awal menunjukkan bahaya amalan plagiat kepada pembangunan integriti dan sahsiah mahasiswa.

Ini kerana ia petanda awal akauntabiliti boleh dijual beli apabila mudah memberi dan mengambil sebarang ganjaran dalam menyiapkan tugas yang sepatutnya dipertanggungjawabkan ke atas sesuatu pihak lain.

Plagiat amat merugikan mahasiswa kerana IPT ialah medan menuntut ilmu dan mencari kebenaran. Pembabitan mahasiswa dalam kecurangan akademik ini akan menyekat rangsangan pemikiran tinggi dan membantut proses pembelajaran sepanjang hayat.

Nilai integriti, profesionalisme dan etika yang menjadi pemangkin perkembangan individu juga gagal digarap serta diamal apabila nilai penguasaan ilmu hanya disandarkan kepada mendapat pekerjaan atau memperoleh penilaian gred cemerlang semata-mata.

Kegagalan membendung plagiat di IPT bukan sahaja merencatkan pembangunan intelektual mahasiswa, malah menghalang pembentukan pemimpin berfikiran kritis pada masa hadapan.

Natijahnya, ketulenan dalam penghasilan idea dan kupasan isu semakin hambar kerana perbincangan terhad sekitar idea sedia ada.

Lebih membimbangkan, plagiat yang menjadi kebiasaan boleh menyebabkan individu terbabit terjerumus dalam salah laku integriti lebih serius di tempat kerja seperti jenayah rasuah.

Oleh itu, ahli akademik perlu mendedahkan bahaya amalan ketidakjujuran akademik seperti plagiat ini, di samping membimbang mahasiswa dalam penyediaan tugas yang betul dan beretika.

Dalam mempertahankan integriti, mahasiswa juga perlu muhasabah niat dan cara pembelajaran sepanjang menuntut di IPT. Adakah kemasukan ke menara gading semata-mata berpaksikan pencapaian gred baik hingga tergamak mencalar integriti akademik?

Hakikatnya, mahasiswa perlu jelas dengan tujuan mencari ilmu bermakna kepada diri dan akhirnya berjaya menyebar manfaat kepada masyarakat, selain menjadi relevan dengan keperluan industri.

**Penulis adalah Presiden BPLB THINKERS, Pusat Kecemerlangan dan Kepimpinan Pelajar, Universiti Utara Malaysia**